

KEMASUKKAN PENGARUH LUAR MELALUI SUNGAI PERAK
DI
KOTA LAMA KANAN DAN KOTA LAMA KIRI
KUALA KANGSAR

Kajian Akhir ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina,
Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi syarat mata-
pelajaran ARC 471 - HISTORY OF ARCHITECTURE.

Disediakan oleh :

Nama : TUN FARAHNAZ AZWAN HJ. ABDUL AZIZ
K/P ITM : 85397136

Diploma Senibina Tahun 4 Semester 08,
Kajian Senibina Perancangan dan Ukar,
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sessi Julai 88/89

Penghargaan

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan saya kekuatan dan kesabaran dalam proses menyiapkan kajian akhir ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama mereka semasa membuat penyelidikan. Diantara mereka ialah Tuan Haji Megat Jamal-ul-Zamri bin Megat Isa - seorang waris dari keturunan Tuan Haji Besar Daeng Salili, Tuan Haji Abdul Hamid bin Ahmad - seorang guru dan juga penduduk tempatan Kota Lama Kanan, En Abdul Latif bin Ariffin - Penolong Kurator Muzium Negeri Perak di Taiping, Tok Hashim bin Kulup Abdul Wahid - Tok Siak Masjid Kota Lama Kanan dan tidak lupa kepada kedua-dua ayahanda dan bonda yang turut bersusah payah memonitori saya ke kawasan kajian dan nasihat serta dorongan yang berkenaan.

ISI KANDUNGAN

TAJUK KAJIAN AKHIR

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN

- 1.0. Pengenalan
- 1.1. Definasi Kajian
- 1.2. Latar Belakang Kajian
- 1.3. Pemilihan Kawasan Kajian
- 1.4. Sumber Kajian
- 1.5. Objektif Kajian
- 1.6. Masalah Kajian

BAB 2 : LATAR BELAKANG SEJARAH : NEGERI PERAK

- 2.0. Negeri Perak Sepintas Lalu
- 2.1. Kerajaan Melayu Tua Di Perak
- 2.2. Kerajaan Negeri Perak : Pengasasan
- 2.3. Kerajaan Negeri Perak : Sehingga Abad Ke 18
- 2.4. Kerajaan Negeri Perak : Sehingga Abad Ke 19
- 2.5. Kerajaan Negeri Perak : Abad Ke 20
- 2.6. Sejarah Ponompatan Sultan-sultan Perak
- 2.7. Pembesar-pembesar Negori Perak
- 2.8. Masyarakat Awal dan Komunitikan Bangsa Asing Ke Perak
- 2.9. Faktor-faktor Penempatan Perkampungan di Sepanjang Sungai Perak

BAB 3 : PENDEKATAN KE KAWASAN KAJIAN

- 3.0. Sejarah Pembukaan Kuala Kangsar dan Kemajuan Di Zaman Tradisi
- 3.1. Kemajuan Sosio-ekonomi Dan Fizikal Di Zaman Pemerintahan Inggeris
- 3.2. Masyarakat Asal Mukim Kota Lama
- 3.3. Perkembangan Senibina Di Kota Lama
- 3.4. Kesan-kesan Pengaruh Luar

PENUTUP

BIBLIOGRAFI

1.0. Pengenalan

Perak Darul Redwan merupakan antara negeri-negeri Tanah Melayu yang paling terkenal dalam sejarah keagongan rumpun Melayu dan kepulauannya. Di samping Kedah dan Melaka, Perak merupakan sebuah negeri yang tertua; yang mana diperlakukan kesultanan Melayu Perak telah pun bermula sejak pemerintahan Beraja Beruas yakni kira-kira pada abad ke 16.

Terdapat banyak bahan-bahan rujukan tentang sejarah Perak namun masih terdapat banyak lagi sejarah terperinci yang perlu kaji dengan lebih teliti agar ia tidak terlambat akibat lenyap ditelan zaman. Haruslah diberikan penekanan di sini bahawa penyelidikan ilmu sejarah bukanlah semata-mata terhadap kronologi masa dan tarikh serta peristiwa. Malah ilmu sejarah itu mestilah didalami dan dikupas makna dan pengajaran yang disampaikan.

Walau bagaimanapun kajian akhir ini tidaklah lengkap mana yang dicitakan oleh penulis. Halangan yang utama adalah kurangnya kajian tentang kedua-dua mukim Kota Lama Kanan dan Kota Lama Kiri terdahulu dan ketiadaan orang-orang tua tempatan yang dapat menceritakan dengan secara khusus tentang sejarah tempat kajian.

1.1. Definisi Kajian

Konteks penulis dalam pemilihan tajuk bagi kajian akhir ini dapat diuraikan dengan lebih mendalam dibawah dua tajuk kecil iaitu dari aspek makro dan mikro.

Perihal konteks makro ataupun secara amnya, antara fakta-fakta yang membawa kepada pemilihan tajuk ini adalah disebabkan oleh minat serta keinginan penulis untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan lebih bermakna perihal peranan sungai, tidak kira ia terletak di mana, dalam perkembangan sesuatu tempat dan tamadun manusia. Boleh dikatakan hampir setiap penempatan, perkampungan, pekan atau bandar terletak berhampiran dengan tasik, sungai atau laut - dengan lain perkataan berhampiran dengan kawasan perairan. Samada ianya bertujuan sebagai sumber / asas penghidupan ataupun sebagai satu sistem perhubungan, terayata air amatlah penting bagi kehidupan manusia sejak dahulu hingga ke hari ini.

Sejarah telah mencatatkan beberapa buah tamadun purba dunia yang agung yang terletak dan bermula di sekitar kawasan pengairan terutama sekali berhampiran dengan sungai-sungai. Antaranya ialah tamadun tamadun Lembah Sungai Nil, Sungai Euprates dan Tigris, Lembah Indus dan Gangga, Lembah Yangtze